



3 Mei 2017
3 May 2017
P.U. (A) 133

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN
(PINDAAN JADUAL 2 DAN 3) 2017

*CAPITAL MARKETS AND SERVICES (AMENDMENT OF
SCHEDULES 2 AND 3) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007

PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN (PINDAAN JADUAL 2 DAN 3) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 2 dan 3) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 18 Mei 2017.

Pindaan Jadual 2

2. Jadual 2 kepada Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, yang disebut “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda—

(a) dalam Bahagian 1, dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“8. Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif.”; dan

(b) dalam Bahagian 2, dengan memasukkan selepas perenggan 7 perenggan yang berikut:

“8. “Penjelasan bagi sekuriti atau derivatif” ertinya, sama ada sebagai prinsipal atau ejen, menjalankan perniagaan yang memikul obligasi bagi penyerahan dan pembayaran transaksi seseorang yang berhubungan dengan sekuriti yang tersenarai atau derivatif yang diseragamkan sebagaimana yang ditentukan dalam kaedah-kaedah pusat penjelasan diluluskan.”.